

TARIKH	11 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	bs	RUANGAN	Ekonomi



Antara menara di **Bangsar South**.

[FOTO NURUL SYAZANA ROSE/BH] RAZMAN.

# TH beli menara di Bangsar South

» Langkah perkukuh pendapatan hartanah

Oleh **Che Wan Badrul Alias**  
(chewan@bharian.com.my)

**L**embaga Tabung Haji (TH) akan membeli sebuah menara butik pejabat 13 tingkat baru di Bangsar South dikenali sebagai Tower 6 Avenue 5 pada harga RM102.20 juta.

Pembelian itu selaras dengan langkah Tabung Haji mengukuhkan sumbangan pendapatan sektor hartanahnya bagi menjana pendapatan yang lebih konsisten.

Bangunan itu dibeli daripada Lencana Harapan Sdn Bhd, anak syarikat mi-

lik penuh UOA Development Bhd.

Ia adalah satu daripada lapan menara pejabat eksklusif di Horizon Fasa 2 yang bakal menawarkan kemudahan pejabat gred A sekali gus berpotensi

memberikan pulangan sewaan tinggi kepada agensi pengurusan dana Islam terbesar di dunia itu.

Pembelian bangunan itu juga meningkatkan jumlah hartanah strategik milik Tabung Haji di Kuala Lumpur.

Tabung Haji adalah antara pemilik beberapa bangunan utama termasuk Bangunan Tabung Haji, TH Selvon di Jalan Semarak dan TH Perdana di Maju Junction.

Berdasarkan Rangka kerja Alokasi Aset Strategik (SAA) Tabung Haji, segmen hartanah mewakili sekitar 15 peratus daripada keseluruhan portfolio pelaburannya.

## FAKTA NOMBOR

**RM102.20**  
juta

kos beli menara baru